



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date      | 20/2/2012       |

Pilih kerajaan mampu jamin, pelihara, memartabatkan Islam

# Peringatan Perdana Menteri

Oleh RAJA SYAHRIR ABU BAKAR, SAIFULIZAM MOHAMAD dan SOFIAN BAHAROM  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 19 Feb.** Datuk Seri Najib Tun Razak meminta umat Islam memilih kerajaan yang mampu menjamin, memelihara serta memartabatkan kesucian agama Islam pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) akto datang.

Perdana Menteri berkata, perkara tersebut perlu diambil perhatian serius oleh setiap umat Islam kerana hanya melalui kuasa poljtik sahaja yang mampu melindungi agama suci itu.

Sehubungan itu, menurut beliau; Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang jelas perjuangan mereka tidak menguntungkan kepentingan Islam, sebaliknya lebih memberi faedah kepada DAP.

"Politik amat penting kerana ia melibatkan kuasa. Kuasa boleh menentukan segala-galanya. Oleh itu buatlah pilihan yang tepat apabila sampai masanya.

"Kesimpulannya juga mereka yang mengundi pakatan pembangkang (Pas dan PKR) bukan menguntungkan parti yang diundi tetapi memberi manfaat kepada parti yang tidur sebantalan dengan mereka. Saya fikir para penulis maya boleh menterjemahkan apa yang saya maksudkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama Himpunan Ulama, Cendekiawan Islam dan Penulis Maya Kebang-



NAJIB Tun Razak menerima buku 'Najib Peneraju Transformasi' daripada bekas Mufti Perlis, Prof. Madya Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin (kanan) dan penasihat agama kepada Menteri Besar Terengganu, Mohd. Kamal Saidin (dua dari kiri) pada Himpunan Ulama, Cendekiawan Islam dan Penulis Maya Kebangsaan 2012 di Kuala Lumpur, semalam.

saan 2012 bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di sini hari ini.

Program bertemakan 'Bermuafakat Mentransformasikan Ummah' itu dianjurkan oleh Kelab Sahabat Bina Negara (KSBN).

Turut hadir Presiden KSBN, Mohamad Khairudin Mohamad dan 300 peserta terdiri daripada

para ulama, ahli gerakan Islam, pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan penulis-penulis maya.

Di dalam ucapannya itu, Najib turut menyatakan komitmennya untuk memperjuangkan kepentingan umat Islam termasuk memastikan undang-undang yang memelihara kesucian Islam serta

umatnya terus dikekalkan.

"Kita sekarang menghadapi pelbagai cabaran yang getir. Kita juga sedang berhadapan dengan kenyataan-kenyataan oleh pemimpin tertentu sehari dua ini yang kita anggap sebagai suatu yang mungkin 'pelik bin ajaib', 'ajaib bin pelik.'

"Antaranya kenyataan beliau

bahawa undang-undang seksual negara kita perlu dipinda kerana sudah lapuk dan ketinggalan zaman. Persoalannya adakah undang-undang Allah yang diterjemahkan dalam bentuk undang-undang manusia (melarang hubungan sejenis) sudah lapuk ditelan zaman?" soalnya.

Beliau berkata, kenyataan seumpama itu sungguh pelik kerana Singapura yang bukan sebuah negara Islam turut mempunyai undang-undang sama.

"Malah, dalam satu tinjauan dibuat dalam kalangan rakyat Singapura, mereka kata undang-undang tersebut tidak perlu dipinda. Di Singapura tidak perlu dipinda, tetapi ada pemimpin di sini yang hendak meminda undang-undang itu," katanya.

Menurutnya, begitu juga dengan kenyataan pemimpin terbabit mengenai Israel dan perjuangan rakyat Palestin.

"Sekiranya keselamatan rakyat, Palestin duduk lebih rendah daripada keselamatan negara Israel, itu sudah menjadi sesuatu yang pelik," katanya lagi.

Dalam perkembangan berkaitan, Najib berkata, semua pihak harus bersedia untuk menghadapi PRU-13 pada bila-bila masa.

"Kita akan menghadapi PRU-13 pada bila-bila masa. Ada orang kata tidak lama lagi, macam-macam ramalan. Sebab itu, kita perlu beritahu kepada orang Islam pilih parti dan pemimpin yang dapat menjamin dan boleh memartabatkan kesucian agama Islam," ujar beliau.